



## SIARAN AKHBAR

### MAJLIS PELANCARAN SISTEM PENGURUSAN PEMBIAYAAN (LMS) DAN PEMETERAIAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DI ANTARA LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA), BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BANK ISLAM) DAN BANK SIMPANAN NASIONAL (BSN)

**Putrajaya, 2 Ogos 2019** - Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) telah mengadakan Majlis Pelancaran Sistem Pengurusan Pembiayaan (LMS) dan pemeteraihan Memorandum Persefahaman (MOU) bersama Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) bertempat di Zenith Hotel, Putrajaya hari ini.

LMS adalah sistem yang telah dibangunkan bagi memudahkan urusan pelanggan LPPSA yang terdiri daripada kakitangan sektor awam di seluruh Malaysia untuk membuat permohonan pembiayaan perumahan sektor awam secara atas talian dengan lebih mudah dan efektif. Mula beroperasi pada 1 April 2019, LMS memudahkan para pelanggan untuk membuat permohonan, menyemak maklumat pembiayaan seperti memuat turun penyata tahunan, semakan status baki, semakan status bayaran pembiayaan dan juga beberapa perkhidmatan lain.

Ciri-ciri sekuriti yang tinggi seperti kemudahan OTP atau “one time password” memastikan integriti maklumat setiap peminjam terjamin selain akses hanya diberikan kepada pemilik akaun sahaja. Dengan adanya LMS ini, LPPSA berharap ia akan membantu memudahkan urusan permohonan pembiayaan dan juga pemantauan pembiayaan sendiri oleh para penjawat awam semudah di hujung jari.

“Ini merupakan satu langkah kehadapan untuk LPPSA bagi memartabatkan pengurusan pembiayaan perumahan untuk penjawat awam, di mana penjawat awam tidak perlu lagi hadir ke kaunter perkhidmatan atau membuat panggilan telefon bagi memantau akaun pembiayaan sendiri,” kata **Dato’ Kamal Mohd Ali, Ketua Pegawai Eksekutif LPPSA**.

Pada masa yang sama, pemeteraihan MOU di antara LPPSA dan dua (2) institusi kewangan terkemuka; Bank Islam dan BSN membolehkan kakitangan sektor awam memohon pembiayaan daripada LPPSA serta Bank Islam atau BSN yang bersetuju menjadi pemegang gadaian kedua bagi menyelesaikan wang beza.

LPPSA yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, YBhg. Dato' Kamal Bin Mohd Ali telah memeterai MOU bersama BSN yang diwakili oleh Ketua Eksekutif, YBhg. Datuk Yunos Abd Ghani dan Bank Islam yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, YBrs. Tuan Mohd Muazzam Mohamed. Timbalan Menteri Kewangan YB Dato' Ir. Haji Amiruddin Hamzah dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, YBhg. Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir merangkap Pengerusi LPPSA turut sama hadir menyaksikan pemeteraihan MOU ini. Kedua-dua tetamu kehormat ini menyambut baik usaha yang dilaksanakan dan menganggap ia merupakan satu inisiatif positif yang melibatkan kerjasama sektor awam dan swasta bagi merealisasikan hasrat Kerajaan untuk memastikan setiap kakitangan sektor awam memiliki rumah kediaman.

Dato' Kamal turut menyatakan LPPSA sentiasa membuka peluang kerjasama dengan institusi kewangan atau institusi pembiaya lain bagi memudahkan dan membantu kakitangan sektor awam mendapatkan kemudahan kredit atau pembiayaan untuk membeli kediaman idaman di lokasi strategik.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, En Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Menerusi kerjasama Bank Islam dengan LPPSA, kami amat berbesar hati untuk menyediakan kemudahan yang membolehkan penjawat awam berkelayakan, bersama pasangan atau anak mereka yang bukan penjawat awam, untuk memiliki rumah idaman masing-masing. Usaha ini juga membenarkan kami menyediakan perkhidmatan perbankan yang lebih bersifat inklusif kepada golongan yang sebelum ini tidak mendapat liputan kemudahan yang diperlukan. Pembiayaan yang disediakan ini juga adalah selari dengan visi Bank Islam sebagai sebuah *Bank yang Mendahului Kemakmuran untuk Semua*."

"Pada masa kini, memiliki rumah impian bukanlah satu perkara yang mudah. Perkara yang selalu menjadi kekangan adalah 'kemampuan' atau 'lokasi sesebuah rumah yang terlalu jauh'. Perkara penting yang perlu diberi perhatian sebelum membeli rumah adalah melakukan perancangan bajet yang sesuai. Memandangkan ia merupakan komitmen jangka panjang, maka keupayaan untuk membayar balik ansuran haruslah menjadi keutamaan kepada seseorang pembeli. Atas dasar itulah, kami bekerjasama dengan LPPSA menawarkan bantuan pembiayaan kepada kakitangan sektor awam. Kami sentiasa komited untuk menyediakan platform perkhidmatan kewangan bersepadu yang mudah diakses untuk pelanggan kami. Ini bukan sahaja merupakan sebahagian daripada mandat tetapi juga usaha berterusan pihak BSN untuk memastikan rangkuman kewangan diperkuuhkan di kalangan rakyat Malaysia," kata YBhg. Datuk Yunos Abd Ghani, Ketua Eksekutif BSN.

---

### **Mengenai Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)**

LPPSA merupakan sebuah badan berkanun yang diasingkan saraan dan bebas sepenuhnya di bawah Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang bertanggungjawab menguruskan pembiayaan perumahan untuk sektor awam dan telah mula beroperasi pada 1 Januari 2016.

#### **Pegawai Media Untuk Dihubungi:**

##### **Nashrul Abdul Shukor**

Jabatan Komunikasi Korporat

Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)

Tel: 03-8880 2888

E-mel: [nashrul.shukor@lppsa.gov.my](mailto:nashrul.shukor@lppsa.gov.my)

### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 149 cawangan dan lebih daripada 1,000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

#### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

##### **Wan Norkhairi Wan Samad**

Ketua,

Komunikasi Korporat Kumpulan,

BIMB Holdings Berhad/

Bank Islam Malaysia Berhad

Tel : +603-27821232

Faks :+603-20888110

Emel : [wworkhairi@bankislam.com.my](mailto:wworkhairi@bankislam.com.my)

##### **Omar Atin**

Penolong Timbalan Presiden,

Perhubungan Awam,

BIMB Holdings Berhad/

Bank Islam Malaysia Berhad

Tel : +603-27812943/+6019-3919144

Faks : +603-27812988

Emel : [omar@bimbholdings.com](mailto:omar@bimbholdings.com)

### **Mengenai Bank Simpanan Nasional (BSN)**

Didorong oleh misi untuk menyampaikan kehidupan yang lebih baik dalam jangkauan semua rakyat Malaysia, BSN komited untuk menyediakan perkhidmatan kewangan secara menyeluruh dan komprehensif kepada semua rakyat Malaysia. BSN bertekad untuk memberi rakyat Malaysia peluang yang saksama untuk mencapai masa depan kewangan yang lebih baik dan cerah, serta menjadi gerbang laluan untuk kehidupan yang lebih baik. Untuk merealisasikannya, BSN memanfaatkan kepakaran dan pengalaman rangkuman kewangan, disokong oleh produk dan perkhidmatan yang komprehensif disampaikan melalui pelbagai titik sentuh di semua kawasan di negara ini.

Ditubuhkan sejak 1974, BSN kini mempunyai lebih 7,000 kakitangan dan disokong oleh 390 cawangan, 38 Pusat Mikro Kewangan, 728 Mesin Teler Automatik (ATM), 397 Mesin Deposit Wang Tunai (CDM), lebih 4,500 Ejen Bank Berdaftar BSN atau EB BSN di seluruh negara. BSN mempunyai lebih 9 juta pelanggan di seluruh Malaysia dengan pendeposit runcit berjumlah lebih RM15.18 bilion (sehingga Jun 2019).

BSN menawarkan pelbagai produk Konvensional dan Islamik termasuk produk Simpanan, Pengurusan Kewangan, Pembiayaan Perniagaan dan Peribadi serta Kad kredit.

Layari laman sesawang BSN di [www.mybsn.com.my](http://www.mybsn.com.my)

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Arida Ariffin**

Bahagian Hal Ehwal Korporat  
Jabatan Komunikasi Strategik  
Bank Simpanan Nasional (BSN)  
Tel: 03-2162 3222 sambungan 71042  
Emel: [arida\\_ariffin@bsn.com.my](mailto:arida_ariffin@bsn.com.my)

**Mohd Rohemy Rosslan**

Bahagian Hal Ehwal Korporat  
Jabatan Komunikasi Strategik  
Bank Simpanan Nasional (BSN)  
Tel: 03-2162 3222 sambungan 16009/ 012-3512729  
Emel: [rohemy@bsn.com.my](mailto:rohemy@bsn.com.my)